

NAMA MURID: _____

JAWAB SEMUA SOALAN

1. Rajah menunjukkan waktu Haikal pergi ke sekolah.



Apakah kemungkinan peristiwa yang berlaku selepas pukul 7 pagi adalah pukul 8 pagi?

2. Rajah di bawah menunjukkan seorang ibu sedang menjemur pakaian yang baru dicuci.



Tiba-tiba hujan turun dengan lebatnya. Apakah kemungkinan pakaian yang di sidai itu basah.

3. Antara peristiwa berikut, yang manakah mungkin berlaku?

A Ada 6 hari dalam seminggu

B Negara Malaysia mengalami musim sejuk

C Suatu nombor genap boleh dibahagi dengan 2 tanpa baki

D Suatu nombor genap boleh dibahagi dengan nombor ganjil tanpa baki

4. Aida memasukkan 10 biji guli berwarna kuning ke dalam sebuah bekas. Nyatakan kebolehjadian dia memilih guli biru secara rawak daripada bekas itu.

5. Arif memasukkan sama banyak bilangan manik hitam dan manik putih kedalam sebuah karung kecil. Apakah kebolehjadian sebiji manik putih dipilih secara rawak daripada karung itu?

6. Rajah di bawah menunjukkan suatu dialog antara dua orang murid.

Azman : Tahun 2016 adalah tahun lompat. Bilangan hari pada tahun 2016 ialah 366 hari.

Chan : Tahun lompat berlaku setiap empat tahun.

Apakah kebolehjadian bilangan hari pada tahun 2022 adalah 366 hari?

Soalan 7 – 9 berdasarkan rajah di bawah.

Rajah di bawah menunjukkan lima keeping kad nombor di dalam sebuah kotak.



Rizal disuruh memilih sekeping kad nombor daripada kotak itu.

7. Apakah kemungkinan Rizal mendapat sekeping kad nombor perdana?

8. Nyatakan kemungkinan Rizal mendapat kad bernombor satu.

9. Apakah kemungkinan Rizal mendapat sekeping kad nombor genap?